

# 'Kalau nak potong, potonglah'

Beberapa menteri dan timbalan menteri tidak kisah jika elaun dipotong

MUHAMMAD AMINURRAHMAN MOHD ZOKI

## AMPANG

Kalau perlu potong, potonglah, tidak jadi masalah, demikian reaksi Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengenai saranan orang ramai supaya kerajaan memotong elaun menteri Kabinet sebagai salah satu langkah penjimatan negara.

Azmin berkata, pemotongan elaun itu tidak menjadi satu masalah.

"Apa yang penting kita harus melihat keperluan hari ini untuk menguruskan ke-



AZMIN

SYED SADDIQ

MAHFUZ

wangan secara bertanggungjawab dan berhemah.

"Tidak ada ketirisan, tidak ada kebocoran, tidak ada amalan rasuah dan salah guna kuasa kerana pengalaman pahit yang kita alami beberapa tahun ini telah memberikan kesan yang amat parah kepada ekonomi negara dan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas selepas membuat lawatan di kawasan sebuah rumah banglo yang terkesan dengan pergerakan tanah di Jalan Kelab Ukay 2 di sini semalam.

Katanya, kerajaan hari

ini telah meletakkan satu fokus untuk membanteras rasuah dan amalan salah guna kuasa.

"Kerajaan hari ini berbebanja secara berhemah dan sentiasa fokus dalam melaksanakan amanah yang diberikan," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mencadangkan supaya elaun ahli politik dan menteri dipotong.

Saranan itu dibuat kerana beliau tidak bersetuju dengan pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritisikal (BIPK) mulai Januari 2020 bagi penjawat awam

33 Skim Perkhidmatan Kritisikal yang baru dilantik.

Bagaimanapun, Syed Saddiq kelmarin mengemukakan pemansuhan elaun BIPK ditangguhkan selepas beliau mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar menegaskan beliau tiada halangan sekiranya kerajaan mahu memansuhkan atau mengurangkan gaji dan elaun menteri serta timbalan menteri.

Katanya, masyarakat perlu tahu bahawa gaji dan elaun yang dinikmati semua menteri Kabinet termasuk Perdana Menteri adalah seperti diperuntukkan sejak dahulu lagi.

Menurutnya, gaji dan elaun itu dimasukkan secara terus ke dalam akaun masing-masing.

"Jika Kabinet mahu mengkaji semula gaji dan elaun, kami tiada masalah," katanya.

## info

### ELAUN-ELAUN MENTERI KABINET DAN AHLI PARLIMEN

#### Elaun menteri Kabinet

- Elaun koralan: **RM12,000**
- Elaun menteri Kabinet: **RM4,000**
- Elaun perumahan: **RM4,000** (tidak boleh dituntut jika tinggal di kediaman rasmi)
- Elaun pembantu rumah: **RM2,500**
- Elaun pemandu: **RM2,500**

#### Gaji dan elaun ahli Parlimen

- Gaji ahli Parlimen: **RM16,000** sebulan
- Menghadiri sidang Parlimen: **RM400** sehari
- Menghadiri mesyuarat atau bengkel agensi kerajaan: **RM300** sehari
- Elaun koralan: **RM2,500** sebulan
- Bayaran khas: **RM1,500** sebulan (kecuali jika ahli Parlimen adalah ahli pentadbiran)
- Penerbangan kelas perniagaan dan perjalanan kereta api kelas pertama
- Elaun hotel semasa di luar negara: Bilik standard
- Elaun hotel apabila bekerja luar kawasan dalam negeri lebih daripada 32 kilometer dari rumah: Tidak lebih daripada **RM400** semalam
- Jika tidak menetap di hotel, penginapan harian semasa bekerja luar kawasan: **RM100** malam (domestik), **RM170** malam (antarabangsa)
- Elaun makanan di luar negara: **RM340** malam
- Elaun perjalanan tetap: **RM1,500** sebulan
- Elaun minyak: **RM1,500** sebulan
- Elaun tol: **RM300** sebulan
- Elaun pemandu: **RM1,500** sebulan
- Bantuan pakaian majlis 'black tie': **RM1,500**

### SENARAI PERISYTIHARAN HARTA MENTERI KABINET

Nama	Jumlah pendapatan bulanan
1. Tun Dr Mahathir Mohamad	RM100,004.32
2. Datuk Seri Dr Wari Azizah Wan Ismail	RM59,048.33
3. Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa	RM53,736.48
4. Datuk Liew Vui Keong	RM51,936.48
5. Senator P Waytha Moorthy	RM48,736.48
6. Lim Guan Eng	RM86,464.92
7. Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin	RM72,276.37
8. Datuk Saifuddin Abdullah	RM52,504.48
9. Mohamad Sabu	RM57,586.48
10. Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad	RM37,736.48
11. Dr Maszlee Malik	RM64,569.81
12. Loke Siew Fook	RM64,569.81
13. Syed Saddiq Syed Abdul Rahman	RM50,253.88
14. M Kulasegaran	RM53,736.48
15. Baru Bian	RM83,736.48
16. Datuk Ignatius Dorelli Leiking	RM51,395.68
17. Datuk Seri Salahuddin Ayub	RM67,200.00
18. Yeo Bee Yin	RM53,195.68
19. Gobind Singh Deo	RM58,100.98
20. Zuraida Kamaruddin	RM51,236.48
21. Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail	RM74,829.68
22. Datuk Mohamad Ketapi	RM64,979.53
23. Datuk Seri Rina Mohd Harun	RM34,004.48
24. Khalid Abd Samad	RM56,049.40
25. Teresa Kok Suh Sim	RM68,142.66
26. Dr Xavier A. Jayakumar	RM53,736.49
27. Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof	RM65,407.20
28. Datuk Seri Mohamed Azmin Ali	RM69,186.48

Sumber: <https://mydearalon.spm.gov.my/>

## Cadangan potong elaun menteri boleh diteliti

SEBERANG JAYA - Cadangan supaya elaun menteri dipotong boleh diteliti sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, beliau tidak mempunyai masalah sekiranya perkara itu perlu dilaksanakan.

"Cadangan itu boleh diteliti.

Bagi saya, tak ada masalah (apapun)," katanya pada sidang media di Tesco Extra selepas menghadiri program Kembali Ke Sekolah Bersama Tesco di sini semalam.

Sebelum ini tular di media sosial satu keratan akhbar yang memaparkan elaun dinikmati menteri antaranya elaun parkir berjumlah RM5,700.

Bagaimanapun beberapa menteri menyanggah keratan akhbar itu dan menjelaskan bahawa ang-

ka berkenaan merujuk kepada elaun menteri lama yang berbeza dengan butiran elaun diterima menteri ketika ini.

Antara elaun tetap terkini dinikmati menteri setiap bulan adalah elaun koralan, elaun perumahan, elaun menteri Kabinet, elaun pembantu rumah, elaun pemandu berjumlah RM25,000 sebulan, tidak termasuk elaun tidak tetap seperti elaun cuti, elaun harian, elaun makan dan elaun-elaun lain.



Saifuddin (tengah) bergambar pada program Kembali Ke Sekolah Bersama Tesco di Tesco Extra, Seberang Jaya semalam.